

KEADILAN TERAPEUTIK

SIKAP YANG BETUL UNTUK
KEADILAN KELUARGA



Kandungan

- 01** Pengenalan
- 02** Apa itu Keadilan Terapeutik
- 03** Mengapa perlu ada anjakan
- 04** Bagaimana Keadilan Terapeutik akan membantu anda dan keluarga
- 05** Apa yang boleh dijangkakan
- 06** Langkah menuju ke arah pemulihan
- 09** Nasihat untuk diguna pakai
- 10** Maklumat berguna

Penafian

- Penerbitan ini diterbitkan untuk maklumat umum sahaja.
- Dapatkan nasihat guaman jika ada keraguan.



Pengenalan

Keadilan Terapeutik (TJ) adalah pendekatan baharu dalam keadilan keluarga di mana pihak terlibat perlu mempunyai sikap terbuka dan bekerjasama demi mencari penyelesaian terbaik untuk kemanfaatan semua ahli keluarga. Buku panduan ini menggunakan konsep perkebunan untuk memaparkan pendekatan TJ di mana tumpuan ditujukan kepada punca sebenar masalah keluarga. Anggota keluarga (seperti ibu bapa, anak-anak), pegawai Mahkamah (seperti Hakim, Peguam) dan pakar dalam masyarakat (seperti pakar terapi, pakar kesihatan mental) akan bekerjasama seumpama pekebun yang menyemai penyelesaian, memupuk perhubungan dan melancarkan perjalanan semasa menempuh perceraian atau perdamaian.

Apa itu Keadilan Terapeutik (TJ)?

Keadilan Terapeutik (TJ) adalah pendekatan baharu dalam keadilan keluarga yang tertumpu kepada menyelesaikan masalah yang dihadapi keluarga dan bukan untuk mencari kesalahan mana-mana pihak yang terlibat.

Matlamatnya ialah untuk membantu kededua pihak memupuk sikap yang betul bagi menyelesaikan masalah dengan menggunakan penyelesaian mampan dan memulakan perjalanan ke arah pemulihan diri dan keluarga mereka.

Dari sudut TJ, pertikaian keluarga berbeza daripada pertikaian undang-undang yang lain dan tidak seharusnya menggunakan model kehakiman yang saling bertentangan.

Mengapa pertikaian keluarga memerlukan pendekatan yang berbeza

Kes keluarga memerlukan penghuraian bagi masalah peribadi yang dihadapi. Kemarahan dan sakit hati boleh menguasai diri dan menjejaskan pertimbangan. Emosi ini masih boleh berlarutan walaupun kes di mahkamah telah berakhir. Kebanyakan pertikaian keluarga tiada kaitan dengan undang-undang. Perubahan dalam hubungan dan tanggungjawab kekeluargaan selalunya diiringi dengan tekanan, gangguan dan konflik kewangan.

Akibat konflik antara ibu bapa, anak-anak menderita. Kajian sains kemasyarakatan menunjukkan bahawa kanak-kanak yang kerap mengalami tekanan dan keresahan, rasa bersalah atau diabaikan, akan terjejas perkembangan kesihatannya.



Mengapa perlu ada anjakan

Matlamat TJ ialah untuk mencapai penyelesaian terbaik bagi semua pihak.



Tumpuan bukan pada mencari kesalahan. Ianya untuk membantu keddua pihak bertanggungjawab mencari penyelesaian jangka panjang bagi masalah mereka – melalui kerjasama dan bukan pertelingkahan.



Untuk meraih manfaat daripada pendekatan TJ, pihak terlibat harus mempunyai sikap yang betul bagi menyelesaikan pertikaian mereka, demi menuju ke arah pemulihan dan huraian di masa hadapan.



Dengan perubahan sikap dalam Masyarakat Keadilan Keluarga dan semua pihak melalui keseluruhan proses ini, diharapkan pertikaian keluarga dapat diselesaikan secara baik walaupun ianya melibatkan litigasi.

Apa yang perlu dielakkan semasa prosiding



Elakkan daripada memberi tumpuan kepada kesilapan masa lalu. Sebaliknya, tumpukan kepada mencari huraian.



Elakkan daripada menggunakan nada yang agresif dan suara yang boleh menimbulkan pertengkaran kerana emosi akan menjadi lebih parah dan mengeruhkan lagi isu antara keddua pihak.

Bagaimana TJ memanfaatkan anda dan keluarga

Proses mahkamah yang berpandukan TJ dengan menghormati undang-undang dan proses sewajarnya akan membantu keluarga melangkah ke hadapan dengan seadil-adilnya. Pihak keluarga akan menerima kaedah dan panduan bersesuaian untuk pulih dan melangkah ke hadapan, tanpa perlu bersengketa di mahkamah.

Semua pegawai mahkamah termasuk hakim, kaunselor, pengantara dan peguam memainkan peranan penting dalam membantu kedua pihak untuk mengurangkan kesan buruk akibat pertikaian keluarga. Tetapi, pendekatan ini hanya

akan berjaya jika kedua pihak bersikap terbuka dan memberi lebih tumpuan kepada penyelesaian masalah dan mengengapikan luka lama.

Matlamat utama adalah untuk sama-sama mencapai penyelesaian yang sesuai dan mampan untuk mereka dan anak-anak.

Peralihan kepada TJ bukan hanya aspirasi semata-mata tetapi suatu keperluan untuk mengekalkan hubungan kekeluargaan yang sihat, walaupun berhadapan dengan keadaan ketidakharmonian dan perpecahan.



Kaunselor



Pengantara



Peguam



Hakim



Apa yang anda boleh jangkakan

Melalui TJ, keddua pihak boleh menjangkakan mahkamah, melalui pimpinan hakim, akan menggunakan pendekatan berbilang disiplin dan penyelesaian masalah untuk meleraikan pertikaian secara menyeluruh. Mahkamah akan mengenal pasti perujukan terapeutik yang sesuai untuk menyelesaikan punca pertikaian yang dihadapi keluarga. Sebagai contoh, Sam dan Sally mempunyai dua orang anak, seorang lelaki dan seorang perempuan. Mereka sedang melalui proses perceraian tetapi tidak sependapat tentang puncanya. Mereka juga tidak bersetuju tentang penjagaan anak-anak, nafkah dan pembahagian harta.



Di FJC, mereka mungkin diminta menjalani:

1

Penilaian dan kaunseling oleh Pakar Keluarga Mahkamah dari Khidmat Kaunseling dan Psikologi untuk memahami sekitar perceraian mereka dan mencapai persetujuan tentang penjagaan anak-anak.



2

Pengantaraan yang dikendalikan oleh Pengantara Mahkamah untuk menentukan sama ada keddua pihak setuju untuk bercerai atau ingin rujuk, atau perceraianya ditentang (dengan isu-isu yang perlu diselesaikan). Jika keddua pihak memilih untuk bercerai, mereka digalakkan untuk menyelesaikan semua perkara – kewangan dan juga isu anak.



3

Sekiranya penyelesaian tidak dapat dicapai melalui pengantaraan, **mahkamah** akan mengadilinya melalui lensa penyelesaian masalah. Mahkamah dan peguam akan mengambil pendekatan ini untuk membantu keluarga mencapai keputusan yang mampan sementara memastikan kes tidak berlarutan disebabkan kenyataan yang tidak relevan dan pendirian yang tidak munasabah akibat daripada emosi yang berlebihan.



Keluarga yang memerlukan sokongan jangka panjang boleh dirujuk kepada khidmat kaunseling dan campur tangan terapeutik daripada agensi masyarakat atau pakar sektor swasta. Ini boleh berlaku semasa atau selepas prosiding mahkamah. Pakar-pakar akan membantu dalam isu-isu keibubapaan bersama dan membimbing anak-anak serta keddua pihak menangani pertikaian.

Ke arah pemulihan

Kedua ibu bapa perlu ada anjakan sikap daripada menyakiti kepada memulihkan. Mulakan dengan muhasabah diri untuk menilai kemampuan anda. Pilihlah cara yang terbaik dan bukan memaksa si ibu/bapa untuk mengubah sikap.

Isu-Isu Lazim yang Dihadapi oleh Ibu Bapa

Takut hubungan dengan anak terputus atau si ibu/bapa bersikap terlalu melindungi si anak.

Kurang kepercayaan.

Mencampuradukkan rasa terguris dan marah dengan kepentingan anak.

Bimbang fikiran anak telah "diracuni" oleh si ibu/bapa.

Kurang menunjukkan contoh yang baik.

Saling tuduh-menuduh mengeruhkan lagi hubungan antara ibu bapa dengan anak.

Bagaimana untuk membantu anak yang tersepit:

- Fahami keperluan dan pandangan anak yang tersepit secara objektif.
- Fahami bahawa apa sahaja huraian perlu mengambil kira keprihatinan kedua ibu bapa dan ia adalah yang terbaik untuk anak.
- Ibu bapa perlu bekerjasama untuk mendapatkan huraian yang sesuai dan meyakinkan anak bahawa keadaan dalam waktu mendatang akan semakin baik.

Pendekatan yang Disarankan

Ibu bapa perlu bersikap terbuka untuk mengatasi keprihatinan masing-masing. Bersabar dan beri peluang untuk huraian yang disarankan membuahkan hasil.


Semaikan sifat saling mempercayai supaya rancangan yang baharu boleh dijayakan.

Anda perlu peka – akui emosi yang ada dan jangan diperbesarkannya.

Jangan mudah buat kesimpulan. Beri kerjasama dengan para profesional semasa mereka memberi bantuan.

Mulakan langkah pemulihan ini dengan menyemai sikap dan keutamaan yang betul – jadilah seorang yang boleh dicontohi dan dihormati si anak.

Wujudkan pandangan baharu – hargai kekuatan masing-masing dan tanamkan semangat muhibah dan kepercayaan.



Ke arah pemulihan (bersambung)

Mencari pemulihan bagi ibu bapa:

Isu-Isu Lazim yang Dihadapi oleh Ibu Bapa

Anda fikir anda sahaja yang dapat menghuraikan pertikaian dalam keluarga.

Menjangkakan sesuatu yang di luar kawalan anda (seperti bagaimana si ibu/ bapa perlu berkelakuan, atau adakah tindakan anak-anak masih sama seperti dahulu terhadap anda).

Bersikap suka menyalahkan atau mencari kesilapan orang lain.

Bimbang tentang bebanan kewangan dan tempat tinggal.

Masih menyimpan dendam dan amarah yang lalu terhadap si ibu/bapa.



Pendekatan yang Disarankan



Akur bahawa pertikaian rumahtangga terjadi atas banyak sebab dan ia memerlukan usaha sama untuk menyelesaikannya.

Akur bahawa anda hanya boleh melakukan yang terbaik bagi perkara dalam kawalan anda. Jangan mendesak pihak si ibu/bapa untuk berubah.

Gunakan pendekatan menyelesaikan masalah dan bertekad membuang segala dendam untuk maju ke hadapan. Bersikap terbuka dan bersedia untuk menyesuaikan diri.

Mempunyai jangkaan yang munasabah dan pertimbangkan kepentingan semua pihak terutama anak-anak, dan bukan kepentingan sendiri.

Tumpukan kepada huraian yang terbaik bagi menyelesaikan semua isu. Apabila kedua ibu bapa bersikap tenang dan komited untuk menghuraikan masalah, kebencian antara mereka akan reda dan setiap ahli keluarga boleh menuju ke arah pemulihan.



Nasihat untuk diguna pakai

Apa yang kededua pihak tidak patut lakukan

Tip-tip bila mana pertikaian keluarga sampai ke tahap litigasi:



1

Jangan memfailkan permohonan yang tidak perlu. Ia menambah kos dan menghabiskan wang simpanan serta mengurangkan aset sepencarian, selain merumitkan masalah dan menambahkan lagi perbalahan.



2

Jangan gunakan mahkamah untuk melepaskan geram dan jangan mengaibkan suami/isteri anda dengan mengungkit kisah peribadi yang berlaku lama sebelum ini.



3

Jangan hantar atau arahkan peguam anda menghantar surat, e-mel atau mesej yang mengeji suami/isteri anda atau pihak si ibu/bapa. Ini akan menjejaskan peluang untuk bekerjasama.



4

Jangan paksa anak-anak untuk memilih antara ibu atau bapa dan membebani mereka dengan masalah anda. Galakkan mereka untuk menghormati kededua ibu bapa dan yakinkan mereka bahawa mereka bukanlah penyebab perceraian berlaku dan mereka tidak perlu memihak kepada sesiapa.



5

Jangan lari daripada kewajipan anda sebagai ibu bapa dan sebaliknya menjadikan anak-anak sebagai "ibu atau bapa". Ini akan merampas alam kanak-kanak mereka.

Maklumat berguna

Pilihan yang boleh dipertimbangkan sebelum memulakan tindakan di mahkamah

Dapatkan sokongan sosial, kewangan dan/atau kaunseling dari **Agensi Khidmat Sosial di Pusat Khidmat Keluarga (FSC)** atau **Agensi Sokongan Kepakaran Perceraian (DSSA)**. Untuk lokasi FSC yang terdekat dengan rumah anda, sila kunjungi:

www.msf.gov.sg/dfcs/familyservice/default.aspx



Dapatkan nasihat peguam pakar keluarga atau **Biro Bantuan Guaman (LAB)** untuk masalah keluarga dan pilihan yang sesuai.

Untuk menyelesaikan pertikaian tanpa campur tangan mahkamah, pertimbangkan alternatif yang lain. Misalnya, kaunseling, penilaian tidak berpihak pada sesiapa, pengantaraan dan amalan undang-undang bersepadu, dll. Sila berbincang dengan peguam untuk pilihan yang sesuai.

Untuk maklumat berguna, sila kunjungi laluan berikut:

- www.msf.gov.sg/divorce-support/Pages/default.aspx



- www.mediation.com.sg/service/family-dispute



- www.lawsociety.org.sg/our-community/alternative-dispute-resolution



- familyassist.msf.gov.sg



Setelah kes anda selesai di mahkamah, bantuan apakah yang boleh didapati?

Dapatkan sokongan berterusan di DSSA atau FSC dalam melaksanakan Perintah Mahkamah jika kaunseling dan usaha membina semula ikatan keluarga diperlukan.

Untuk lokasi FSC yang terdekat dengan rumah anda, sila kunjungi: www.msf.gov.sg/dfcs/familyservice/default.aspx



Panel Pakar Terapeutik (POTS)

Panel Pakar Terapeutik (POTS) terdiri daripada para profesional kesihatan mental yang bertauliah dari sektor swasta. Satu projek percubaan telah dilancarkan pada tahun 2022 bagi campur tangan klinikal dan terapeutik yang khusus secara berbayar untuk individu dan keluarga yang sedang menjalani prosiding mahkamah.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada www.judiciary.gov.sg/family



[www.judiciary.gov.sg/news-and-resources/news/news-details/justice-debbie-ong-opening-remarks-delivered-at-the-panel-of-therapeutic-specialists-\(pots\)-mou-signing-ceremony](http://www.judiciary.gov.sg/news-and-resources/news/news-details/justice-debbie-ong-opening-remarks-delivered-at-the-panel-of-therapeutic-specialists-(pots)-mou-signing-ceremony)



**Hub Psikologi Komuniti
Kaunseling Atas Talian**
www.cphonlinecounselling.sg



Maklumat berguna

Khidmat sokongan DSSA

Program Wajib Keibubapaan

Program Wajib Keibubapaan ialah sesi perundingan dua jam bersama kaunselor DSSA/FSC untuk ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang masih kecil sebelum mereka memfailkan perceraian. Ianya direka untuk menggalakkan pasangan yang bakal bercerai membuat keputusan bijak yang mengutamakan kemaslahatan anak-anak mereka.

Untuk maklumat berguna, sila kunjungi laman:

www.msf.gov.sg/divorce-support/Pages/Mandatory-Parenting-Programme.aspx



Program Sisipan untuk Anak-Anak

Ia adalah bengkel percuma kelolaan kaunselor keluarga DSSA/FSC untuk ibu bapa dan anak-anak mereka menerima sokongan rakan sebaya daripada golongan masing-masing dalam membina daya ketahanan diri bagi setiap ahli keluarga. Hubungi DSSA/FSC yang terdekat untuk mendaftar diri.

PACT Keibubapaan ialah sesi perundingan sekali sahaja untuk ibu bapa yang telah bercerai yang mempunyai anak-anak di bawah umur 21 tahun.

Untuk keterangan lanjut mengenai program-program DSSA, kunjungilah: www.msf.gov.sg/divorce-support/Divorce-Support/Divorce-Support-Specialist-Agencies/Pages/DSSA-Programmes.aspx

atau e-mel:

fam_dssaprogrammes@msf.gov.sg



Memahami panduan ini

Afidevit: Surat pernyataan rasmi bertulis yang menyebut semua fakta kes anda.

Perkara Sampingan: Isu-isu berkaitan perceraian seperti kustodi, penjagaan dan kawalan serta akses anak, nafkah isteri/suami dan anak-anak atau pembahagian harta sepencarian.

Defendan: Suami/isteri yang diserahkan kepadanya surat permohonan cerai.

FJC: Mahkamah Keadilan Keluarga

Komuniti Keadilan Keluarga: Ia merujuk kepada hakim Mahkamah Keluarga, peguam, kaunselor, ahli psikologi, pengantara dan penggubal polisi.

Pendekatan Pimpinan Hakim: Pendekatan sebegini di mana Hakim diberi kuasa untuk lebih proaktif dalam prosiding mahkamah manakala peguam, dalam membantu hakim mencapai huraian yang adil, dikehendaki bertindak sebagai penyelesaian masalah yang berkesan.

Pengantaraan: Forum yang tidak berpihak pada sesiapa untuk berbincang dan menyelesaikan isu-isu dan mencapai persetujuan dengan bantuan fasilitator terlatih.

MSF: Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga

Pendekatan pelbagai disiplin: Ia adalah pendekatan menyeluruh bagi mengatasi punca-punca masalah dan menimbangkan pelbagai kaedah, termasuk memanfaatkan sumber masyarakat dalam mencari huraian.

**SG
Courts**



FAMILY JUSTICE COURTS
S I N G A P O R E